

27/02/2003

3R adakan episod khas Hari Wanita

Fadzlena Jafar

SETIAP tahun, Hari Wanita Antarabangsa disambut pada tanggal 8 Mac. Mungkin ramai yang tidak menyedari sambutan berkenaan kerana di Malaysia, sambutan Hari Wanita biasanya diraikan pada 25 Ogos.

Tarikh berkenaan dipilih sendiri oleh Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, yang diisytiharkan pada 1961.

Sejarah sambutan Hari Wanita Antarabangsa sebenarnya jika diimbak kembali bermula pada 1910 tetapi wanita di Amerika Syarikat (AS) mula meraikan Hari Wanita peringkat kebangsaannya pada 1908 yang secara tidak langsung menjadi ilham untuk menggerakkan acara berkenaan ke peringkat antarabangsa.

Pada mulanya sambutan itu dilihat sebagai cara bagi wanita menuntut hak asasi dan berpolitik, melihat perkembangan dan kemajuan yang dialami atau sekadar satu hari sambutan untuk wanita.

Namun, pada 1910 seorang sosialis AS, Lena Hewis mengumumkan bahawa tanggal 8 Mac bukanlah bertujuan meraikan sesuatu sebaliknya ia adalah hari untuk merancang atau memikirkan usaha yang perlu dilakukan bagi memantapkan keadaan wanita di seluruh dunia.

Tanpa disedari Hari Wanita Antarabangsa adalah titik tolak kepada perkembangan dan kemajuan wanita hari ini tidak kira di mana saja mereka berada.

Bersesuaian dengan itu, sempena sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2003 ini, 3R (Respect, Relax and Respond), sebuah program televisyen khusus untuk wanita muda akan mengadakan episod khas bagi meraikan sambutan hari berkenaan.

Episod khas yang diadakan dengan kerjasama Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO) dan Persatuan Pergerakan Wanita (Awam) itu akan dianjurkan di Kuching, Sarawak pada 8 Mac ini.

Penerbit Eksekutif 3R, Datin Paduka Marina Mahathir, berkata objektif menganjurkan episod khas sempena Hari Wanita Antarabangsa itu ialah untuk menimbulkan kesedaran proaktif mengenai 'keganasan terhadap wanita' dengan tema 'Berilmu-Bersuara-Bertindak'.

"3R bukan sekadar sebuah rancangan televisyen kerana program ini bertujuan menaikkan taraf wanita dan memberi kesedaran mengenai permasalahan wanita hari ini. Menerusi program seumpama ini kami berharap dapat menyampaikan maklumat dan mendekati wanita di negara ini.

"Selain itu, kami juga berharap dengan membawa program ini ke negeri lain dapat mendekati penonton untuk mengetahui pandangan dan cadangan yang boleh digunakan bagi memperbaiki program ini," katanya pada sidang akhbar episod khas 3R sempena Hari Wanita Antarabangsa, di Seri Pentas, baru-baru ini.

Selain pertubuhan bukan kerajaan, episod khas itu turut mendapat sokongan Kementerian Pembangunan Wanita & Keluarga, Lembaga Pelancongan Sarawak dan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak.

Antara aktiviti yang akan dianjurkan sepanjang sambutan Hari Wanita Antarabangsa anjuran 3R itu ialah klinik bantuan guaman yang mana orang ramai boleh mendapatkan maklumat mengenai situasi keganasan terhadap wanita; bengkel keganasan seksual bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman orang ramai; kempen tanda tangan untuk menuntut pindaan kepada undang-undang mengenai rogol dan kaunter maklumat.

Bagi memeriahkan acara, pengacara 3R, Low Ngai Yuen, Azah Yasmin Yusoff dan Kartini Kamalul Ariffin akan melakukan kejutan dengan mempersembahkan

nyanyian ketika konsert yang akan diadakan pada sebelah malam di Kuching Waterfront.

Selain itu, antara artis yang akan hadir untuk menjayakan konsert berkenaan termasuk kumpulan VE, Deja Moss, Syafinaz, Elyana dan anak watan dari Sarawak, Tuku Kame.

Penaja utama episod khas itu ialah Kimberly Clark Malaysia, pengedar tunggal Kotex. Turut menaja program berkenaan ialah Nestle, Maybelline, Air Asia, TV3, Topshop, Harbour View dan Hotel Hilton Kuching.

Sempena episod khas itu juga, orang ramai dijemput membantu menjayakan kempen antikeganasan terhadap wanita dengan membawa satu polibeg Kotex ke kaunter Kotex di Kuching. Untuk setiap polibeg yang dikumpul, Kotex akan memberi RM1 kepada WAO dan Awam.